



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisycop: Archbisycop Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Epifani 4 - 28 Januari 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau yang membaharui segala sesuatu di dalam Kristus. Ubahlah kemiskinan sifat kami dengan kekayaan anugerah-Mu, dan dalam pembaharuan hidup kami menyatakan kemuliaan-Mu yang syurgawi, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

**Kejadian 27:36 -
Kata Esau,
"Bukankah
tepat namanya
Yakub, karena
ia telah dua kali
menipu aku ..**



Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. TAHNIAH



Tahniah kepada Yang Berbahagia The Most Rev. Dr. Titus Chung, Bisyop Diosis Singapura, di atas Perlantikan beliau sebagai Archbisyop ke-7 bagi Provinsi Anglikan Asia Tenggara. Kita akan berdoa dan menyokong dia untuk misi gereja di rantau ini.

Provinsi ini meliputi sembilan buah negara - Brunei, Indonesia, Thailand, Vietnam, Kemboja, Laos, Singapura, Nepal dan Malaysia.

2. GEREJA ANGLIKAN YANG BAHARU

Bisyop Datuk Melter Tais akan menjalankan 'Kebaktian Pemberkatan' untuk Gereja Anglikan Donggongon (GAD) petang ini, pukul 4:00 petang. Kita akan diwakili oleh Rev & Mrs. Samuel Sampe, Pak Johny & Ibu Tabitha, dan, Ps. Andy.

Kami mengucapkan tahniah kepada Dekan dan Katedral All Saints atas penambahan terbaru gereja Anglikan di kota tercinta kita, yakni Kota Kinabalu. 'Usahakanlah kesejahteraan kota' - Yeremia 29:7. Gereja GAD beroperasi di lot kedai yang disewa.

3. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 28 Jan, hari ini - Rev. Tan Chor Kee menyerahkan tanggungjawabnya sebagai Paderi Penguasa yang menjaga Gereja Anglikan Rangsit, Bangkok, kepada Aj. Yothin. Rektor kita berada di sana untuk melayani di kebaktian mereka pagi ini; dan untuk mengawal selia proses penyerahan tugas tersebut.

Rev. Chor Kee, dan isterinya, Lily, telah melayani di Thailand selama 10 tahun yang lepas. Kami berterima kasih kepada mereka atas kasih dan dedikasi mereka. Mereka akan menyertai pasukan Katedral All Saints, KK, bermula 1 Mac nanti.

- Konferensi Kanak-Kanak BC & BI, 4-7 Mac, Christ Church Likas. Diharapkan seramai 500 kanak-kanak menyertainya. Daftar sekarang. Terbuka kepada semua kanak-kanak kita, dan rakan-rakan mereka. Melibatkan yuran.

Kami memerlukan ramai sukarelawan untuk membantu menjalankan acara tersebut. Jika anda boleh membantu, sila hubungi Mrs. Lim FenFen, Lisa, atau pejabat gereja.

- Konferensi Doa BM, 10-12 April, bertempat di Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penerobosan. Penceramah: Bishop Datuk Metler Tais, dan lain-lain. Daftarliah sekarang.

4. KEBAKTIAN KESYUKURAN TAHUN BARU CINA

- 11 Feb, Ahad, 7:30 pg - di Kebaktian Cina.

- TIADA kebaktian berasingan pada hari pertama CNY.

5. **UMAT KEPUNYAAN ALLAH SENDIRI**

Siri khutbah kita diteruskan:

- 7 Jan - Abraham: bapa
- 14 Jan - Ishak: pengecut
- 21 Jan - *lawatan Archbisyop* - 'Kasihi Allah; kasihi sesamamu manusia'
- **28 Jan, hari ini - Yakub: Si penipu**
- 4 Feb - Yusuf: pemimpin
- 11 Feb - Yusuf: banduan
- 18 Feb - Yusuf: penyelamat



Carilah masa untuk membaca kitab Kejadian, terutamanya di fasal 12-50. Ia adalah suatu cerita yang berkesinambungan. Kiranya kita mendengarkan suara Tuhan.

6. **TAHNIHAH**

Tahniah dan selamat pengantin baru kepada Encik Alkeen Peer Andrew & Puan Rosaini Jamaran, atas ikatan pernikahan yang berlangsung kelmarin, 27 Jan. Untuk info, mereka ialah anggota jemaat BM kita.

7. **TAKZIAH**

Takziah buat seisi keluarga yang berikut:

- Datuk Chin Phui Kong, 100, yang telah meninggal dunia pada 20 Jan. Maklumat 'Memperingati & Kebaktian Kesyukuran' menyusul kemudian.
- Yun Fook Chin, 66, yang meninggal dunia pada 24 Jan. Pengebumian tersebut telah diadakan pada Jumaat lepas.
- Susie Lee Oi Ting, 68. Mendiang merupakan anggota Gereja St. James, Kudat. Kami mendapat keistimewaan untuk menjalankan Kebaktian Penghiburan untuk keluarga pada malam tadi.

8. **PELAYANAN LAIN**

- Persembahan Bunga hari ini disumbangkan oleh Charles Yeo & keluarga, sebagai tanda kesyukuran.
- 2 Feb, Jumaat, 7:30 mlm - Pembukaan muda-mudi SOMA, Dewan Alpha. Hubungi: Ps. Andy.
- 3 Feb, Sabtu, 2:30 ptg - Mesyuarat PCC, Dewan Omega.
- 4 Feb, Ahad depan - pembaptisan. Sila hubungi pejabat gereja untuk maklumat lanjut.
- 17 Feb - pertemuan sempena CNY, Dewan Omega. Dijalankan dalam BC & Bl. Jemputan melalui tiket disediakan.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



NOTA KHUTBAH

Judul: Yakub – Si Penipu

Kejadian 27:36

Kata Esau: "Bukankah tepat namanya Yakub, karena ia telah dua kali menipu aku. Hak kesulunganku telah dirampasnya, dan sekarang dirampasnya pula berkat yang untukku." Lalu katanya: "Apakah bapa tidak mempunyai berkat lain bagiku?"

Proses Kehidupan Yakub

1. **Panggilan Yakub** - Kejadian 25:23
2. **Kejatuhan Yakub** - Kejadian 25:31-33
3. **Kebangkitan Yakub** - Kejadian 32:28

UNTUK DIDOAKAN

Diosis kita yang tercinta

- berdoa untuk Bisyop Datuk Melter Tais

[berkat perlindungan kepada Bisyop dan keluarga. Berdoa untuk hikmat Allah kepadanya untuk memimpin Diosis Anglikan, membawa kemuliaan Tuhan ke Sabah dan ke ladang misi di tempat-tempat lain.]

Masyarakat kita yang tercinta

- berdoa untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki SPM

[untuk hikmat dan kebijaksanaan dan kekuatan untuk menduduki peperiksaan, serta berkat kesihatan yang baik.]

Diosis kita yang tercinta

- untuk hidup di dalam kebenaran.

[Roh Kudus membimbing kita untuk hidup dalam kebenaran dan mewariskan iman kepada generasi kita.]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.